


Headline	TEROKAI SELANGOR		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	17 Dec 2017	Circulation	179,231
Section	Supplement	Readership	537,693
Page No	C10	ArticleSize	861 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 33,918
Journalist	N/A	PR Value	RM 101,755
Frequency	Daily		



# TEROKAI SELANGOR

Dikenali sebagai negeri maju, Selangor menawarkan landskap menarik, daripada air terjun ke bukit-bukau, taman nasional ke arena sukan bertaraf antarabangsa dan pelbagai aktiviti boleh dilakukan.

Justeru, terdapat tiga elemen iaitu eko, sukan dan warisan.

Antara tempat menarik yang diketengahnya adalah Kelip-Kelip Kampung Kuantan, FRIM Kepong dan Taman Botani Negara Shah Alam dibawal Pelancongan Eko.

Mercu tanda terkenal seperti Istana Alam Shah di Klang, Batu Caves dan Pulau Carey mempunyai potensi tinggi untuk produk Pelancongan Warisan dan Kebudayaan sementara aktiviti sukan turut ditawarkan.

Semua elemen yang diketengahkan ini amat bersesuaian dengan tema yang diberikan iaitu 'Discover Selangor, Terokai Selangor'.

Dengan mengambil kelip-kelip yang siap memakai topi, kasut dan memegang kamera yang menunjukkan ciri-ciri seorang pelancong sebagai maskot, pelancaran acara ini menyasarkan tujuh juta pelancong melawat negeri itu.

Dengan keunikan yang ada, Selangor pastinya membawa pengunjung ke negeri ini untuk menikmati keindahan alam semula jadi, termasuk taman dan hutan simpan, serta acara dan aktiviti sukan popular di Selangor.

Tidak dilupakan, budaya dan warisan Selangor akan memukau sesiapa sahaja yang melihatnya.

